

11 JAN 2003

MAHATHIR-BANK/I

DR M: BANK TEMPATAN DIGESA TUBUH JABATAN KHAS BAGI PEMINJAM KECIL

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa 10 bank tempatan untuk menubuhkan satu jabatan khas bagi berurusan dengan peminjam kecil.

Beliau berkata langkah penggabungan telah menjadikan bank-bank itu semakin besar dan terdapat aduan bahawa mereka (bank-bank) tidak memberi perhatian kepada peminjam kecil.

Beliau, bagaimanapun berharap aduan itu tidak benar.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam ucapannya di majlis pelancaran bangunan AmFinance, ibu pejabat baru AmFinance Bhd di sini, malam ini.

Beliau berkata bank-bank sepatutnya memberikan layanan yang sama rata kepada peminjam kecil sama seperti pelanggan-pelanggan besar mereka sambil menyatakan bank-bank tidak akan bangkrap dengan kegagalan peminjam kecil.

Beliau menegur bank-bank tempatan kerana tidak begitu bersedia menolong dalam memberi pinjaman kepada peminjam kecil.

Secara berseloroh beliau berkata, "Saya perlu ke bank untuk meminjam RM10,000. Jika anda tidak bersedia memberikan perkhidmatan saya perlu menimbang semula untuk mempunyai 10 bank. Mungkin kita perlu kembali semula kepada 56 bank. Saya bukan mengugut tetapi menasihati. Tetapi nasihat daripada Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri sepatutnya perlu diberi perhatian."

Menegaskan mengenai kepentingan peminjam-peminjam kecil, beliau berkata kerajaan mahu industri kecil sederhana (IKS) dan ahli-ahli perniagaan kecil diberi kemudahan dalam mendapat pembiayaan sama seperti "orang yang meminjam berjuta-juta dolar".

"Anda perlu ingat apabila peminjam besar gagal, anda kehilangan banyak wang tetapi apabila peminjam kecil gagal anda tidak kehilangan banyak wang," katanya.

Dr Mahathir berkata "ahli perniagaan kecil" juga merupakan sebahagian daripada sistem ekonomi negara dan negara tidak akan mempunyai syarikat-syarikat yang besar tanpa peranan membantu daripada syarikat-syarikat kecil.

Beliau berkata banyak industri yang mendapatkan sumber keperluan mereka daripada pengeluaran dan syarikat kecil.

"Syarikat-syarikat kecil ini malahan menyokong syarikat-syarikat besar.... syarikat besar yang meminjam daripada bank. Oleh itu jangan hanya menumpukan kepada syarikat-syarikat besar tetapi berilah perhatian kepada peminjam kecil kerana mereka merupakan penyumbang kepada kejayaan syarikat-syarikat besar," katanya.

Beliau berkata ada mendengar beberapa aduan bahawa bank-bank sudah besar sekarang tetapi mereka tidak memberi banyak perhatian kepada syarikat kecil yang mahu meminjam hanya beberapa ribu atau kurang.

Dalam nada yang lebih ceria beliau berkata apabila beliau membantu ahli perniagaan, beliau berminat untuk mengenakan cukai kepada mereka kelak.

Sementara itu, turut hadir di majlis pelancaran bangunan setinggi 48 tingkat itu yang sebelum ini dikenali sebagai bangunan Mbf adalah pengerusi kumpulan Ambank Tan Sri Azman Hashim dan Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Di majlis itu juga Perdana Menteri menerima sumbangan RM1.2 juta bagi CPTM (Commonwealth Partnership and Technology Management) Endowment dan RM1.0 juta lagi bagi projek komuniti Malaysia.-- BERNAMA

LES SHO ZK